



MUSHIRAH Zainuddin (kiri), Saddiq Iskandar Mazlan (kanan), Muhamad Nor Amin Jamaludin (dua, kiri), Zafrah Suhailah Abdullah (tiga, kiri) dan Nurul Hafifah Hassan Adli memegang replika cek selepas memenangi pertandingan di UniMAP baru-baru ini.

USIM menang tempat kedua menerusi baja kompos *Trashilizer*

SEREMBAN 15 April - Gabungan pelajar Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyakikan penghasilan baja kompos *Trashilizer* memenangi tempat kedua Pertandingan Perniagaan Inovasi Sosial Untuk Pembasmian Kemiskinan@MyHE baru-baru ini.

Kemenangan itu membolehkan pelajar membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, piala dan sijil penghargaan dalam pertandingan yang dilangsungkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Kumpulan pelajar USIM terdiri daripada Mushirah Zainuddin, Saddiq Iskandar Mazlan, Muhamad Nor Amin Jamaludin, Zafrah Suhailah Abdullah dan Nurul Hafifah Hassan Adli kesemuanya berusia 21 tahun telah menghasilkan projek *Trashilizer* iaitu penghasilan baja kompos melalui sampah buangan.

Mushirah menjelaskan idea

berkenaan tercetus hasil dari kajian lapangan di Kampung RTC Kedah yang mana wujud masalah ketiadaan kutipan sampah berkala dan tempat pembuangan sampah yang khusus sehingga mendatangkan masalah kepada penduduk.

Jelasnya, melalui idea penghasilan baja kompos daripada sampah, ia akan digunakan sebagai baja bagi tanaman utama di kampung berkenaan iaitu jagung.

"Apabila diaplikasikan, ia mampu mengurangkan masalah sampah tidak terurus dan gangguan kesihatan.

"Selain itu, penduduk kampung juga dapat menjana ekonomi dengan lebih baik kerana kos pembelian baja bagi pokok jagung dapat dikurangkan kerana menggunakan baja kompos dan produktiviti hasil pertanian juga dapat ditingkatkan," katanya di sini hari ini.

Sebanyak lapan buah universiti yang melibatkan 81 orang peserta antaranya dari Universiti

Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Melaka (UTeM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengambil bahagian. Johan pertandingan ini ialah UniMAP manakala tempat ketiga milik UMS.

Dalam pertandingan itu setiap kumpulan perlu mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kampung angkat masing-masing seperti aspek ekonomi, kesihatan, pendidikan dan sosial.

Ia disusuli dengan pementakan di hadapan panel juri cadangan projek oleh peserta yang boleh diaplikasikan bagi mengatasi masalah yang wujud serta pada masa sama memberi kesan kepada peningkatan kualiti dan taraf hidup.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP, Profesor Madya Dr. Muhd Fo'ad Sakdan.